

Media Indonesia: Kebebasan Tanpa Batas dan Tindak Balas Pemerintah yang Membimbangkan

Darussalam Abu Bakar

Abstrak

Sejak kejatuhan regim Suharto media Indonesia mendapat apa yang diidamkan selama ini – melapor dan menerbitkan apa sahaja. Namun, apa yang baru didapati itu menjadi semacam 'kejutan' yang 'menenggelamkan' mereka dalam arus 'kebebasan' tanpa had yang telah menimbulkan masalah lain pula. Jika dahulu kegelisahan orang ramai ialah kerana tidak mendapat berita yang lengkap atau sebenar, kini mereka diberitahu tentang apa sahaja (hatta yang tidak sepatut atau dikehendaki mereka). Di waktu yang sama, beberapa perkara yang 'belum sempat' diperbaiki pemerintah juga menjadi bahan kritikan media. Justeru, tindakan balas yang agak 'keras' daripada pemerintah mula dirasai. Kes-kes mahkamah terhadap media oleh pemerintah mula 'menganggu' kebebasan media yang dalam proses kematangan itu. Masyarakat Indonesia dan antarabangsa (termasuk NGO) merasa gelisah dengan senario berkenaan. Kemuncuan pelbagai ketegangan dan 'ketidak harmonian' baru akibat laporan media menyebabkan ramai pihak yang mula bertanya berbaloiakah 'kebebasan' yang dikecapinya itu? Kertas kerja ini cuba melihat dari perspektif negara jiran akan isu-isu berkaitan kebebasan dan tindak balas ini dan menyimpulkan apa yang sepatutnya dilakukan media dan pemerintah Indonesia.

Pendahuluan

Kejatuhan regim Suharto pada 1998 telah membebaskan media Indonesia dari 'kongkongan' pemerintah. Mereka telah mendapat kebebasan yang mereka mahu - menyiarkan apa sahaja. Mereka mula dan terus menyiarkan segala perkara - sama ada

yang baik mahupun buruk, yang murni dan yang jijik serta yang mulia dan yang hina. Walaupun pada mulanya disambut dengan 'meriah' oleh orang ramai, namun liputan media terhadap perkara yang 'mengancam' budaya dan cara hidup mereka menjadikan orang ramai (kemudiannya pemerintah) resah. Kepada pemerintah dan pemimpin politik, kebebasan yang sepatutnya merupakan sesuatu yang 'menyenangkan' telah bertukar menjadi sesuatu yang 'menyusahkan'. Pemerintah yang pada awalnya menyokong kebebasan media mula menyuarakan kebimbangan dan menganjurkan beberapa bentuk 'kawalan' terhadap mereka (media). Bagaimanapun, tindakan tersebut dianggap tidak tepat dan menjadi ancaman terhadap kebebasan media yang belum lagi matang dan mantap itu. Keputusan mahkamah yang menolak 'saman' pihak pemerintah dan 'membebaskan' beberapa pimpinan media dari hukuman jenayah (yang cuba dikenakan pemerintah dan orang ramai) telah memberi ruang dan peluang kepada media Indonesia untuk terus menikmati 'kebebasan' itu – kali ini dalam had dan batas seperti yang digariskan dalam etika kewartawanan dan media mereka.

Perlunya masa untuk matang

Lukas Luwarso (2007) menyatakan, kebebasan media yang masih muda menjadi sasaran kritikan dan penyalahgunaan, biasanya dari pemerintah dan ahli politik. Sebagai contohnya, mesyuarat antara Suruhanjaya 1 DPR dengan media pada Mac 2002.

Dalam mesyuarat ini beberapa orang ahli DPR dari pelbagai puak menyatakan pers mengganggu kehidupan peribadi, menyebarkan pornografi dan mewujudkan konflik. Malah seorang ahli DPR menyebut, 'Sebelum ini masyarakat Indonesia ditekan oleh angkatan bersenjata, sekarang mereka ditekan oleh pers.' Menteri Informasi dan Komunikasi, Mohammad Nuh mengkategorikan gangguan dan tekanan ini kepada 'lima jenis penyakit pers' iaitu pornografi, pembunuhan karektor (*character assassination*), berita yang tidak benar dan provokatif, iklan yang mengelirukan dan jurnalis yang tidak professional.

Keadaan ini memberi ruang dan peluang kepada pihak pemerintah mengambil tindakan yang lebih keras terhadap media. Umpamanya, perbincangan terhadap undang-undang penyiaran dan penyemakan semula undang-undang berkaitan pornografi yang boleh mengancam kebebasan media telah dibuat demi mengelakkan keadaan yang kurang sihat ini dari berterusan.

Ketakutan ahli politik

Menurut Lukas Luwarso (Ibid), ancaman yang terdapat dalam undang-undang penyiaran ini sebenarnya menunjukkan 'ketakutan' ahli politik (termasuk pemerintah) terhadap wartawan dan pers. Mereka mahu lebih banyak klausa dalam Kod Jenayah dimasukkan ke dalam Undang-Undang Pers bagi memberi mereka lebih kuasa untuk 'mengawal' pers. Sembilan belas dari 63 klausa yang dicadangkan itu sebenarnya tidak relevan dengan

undang-undang penyiaran tetapi sesuai dan patut dikekalkan di dalam Kod Jenayah dan perundangan lain. Draf undang-undang penyiaran baru oleh DPR menunjukkan dengan jelas keinginan mereka mengawal hak kebebasan bersuara, komunikasi dan mendapatkan informasi rakyat.

Pemerintah dan sebahagian ahli DPR berhasrat mengubah undang-undang no 40/1999 berkaitan pers yang mereka anggap terlalu 'liberal.' Tindakan ini juga menunjukkan ketidak yakinan ahli politik terhadap sistem undang-undang Indonesia sendiri. Menjadikan pers sebagai sasaran adalah tidak adil kerana tidak banyak yang dibuat pihak pemerintah untuk memerangi atau mengawal VCD lucah yang boleh didapati dengan mudah di tepi-tepi jalan di Indonesia, walaupun Klausa 282 dalam Kod Jenayah telah memperuntukkan kuasa tersebut kepada pihak berkuasa.

Ahli-ahli DPR juga merungut tentang tidak kurang 2000 jurnalis yang sering 'meminta wang' daripada mereka setiap kali persidangan DPR. Mereka menyalahkan kebebasan pers, Majlis Pers dan organisasi pers kerana gagal mengawal ahli-ahli mereka. Namun, apa yang terjadi ialah sikap tidak kisah DPR yang tidak mewajibkan pemakaian kad pengenalan jurnalis yang dibenarkan membuat liputan di parlimen dan perbuatan terus-terusan memberi wang kepada jurnalis yang tidak diketahui kesahihan mereka (sebagai jurnalis).

Hal ehwal masyarakat

Sokongan ahli politik terhadap kebebasan media telah lama diragui. Pada Oktober 1999, Presiden pada waktu itu Abdul Rahman Wahid atau Gusdur mengatakan yang informasi (pers) adalah hal ehwal masyarakat. Bagaimanapun, ahli politik Indonesia dengan jelas tidak mempunyai keyakinan terhadap potensi kebebasan media. Mereka hanya melihat aspek negatif iaitu keinginann untuk mengawal, mentadbir, memberi amaran (peringatan) dan mengambil tindakan terhadap media. Ahli politik kelihatan tidak ikhlas dalam sokongan terhadap media. Mereka tidak sabar dan tidak membenarkan kawalan sendiri (*self-regulation*) – melalui kuasa pasaran dan inisiatif akhbar masyarakat dari mengambil tempat.

Bagaimanapun, 'huru hara' yang disebabkan media hampir dapat di'kawal' pemerintah. Jumlah media cetak di Indonesia yang mencecah 1881 telah menurun menjadi 556, menurut data Majlis Pers. Dari sejumlah 40 buah 'organisasi' jurnalis, cuma empat atau lima sahaja yang masih bergerak hari ini. Dalam tempoh tiga tahun lalu, sebuah institusi pemerhati media telah ditubuhkan untuk memantau media. Tindakan undang-undang terhadap 18 media cetak telah dibuat kerana menyiarkan bahan pornografi (setelah aduan dibuat orang ramai). Sebanyak 120 aduan diterima Majlis Pers selepas dua tahun penubuhannya. "Organisasi' jurnalis dan bukan kerajaan secara aktif menganjurkan diskusi, latihan, bengkel dan pendidikan untuk meningkatkan dan memperbaiki etika dan profesionalime jurnalis. Ini termasuk latihan khusus dalam laporan penyiasatan, kewartawanan keamanan dan hubungan di antara media dan hak asasi manusia, autonomi dan ketelusan.

Bagaimanapun, usaha ini tidak pula membawa hasil yang segera. Di sana sentiasa ada akhbar tabloid yang berorientasikan gosip, sensationalisme, jenayah dan 'indecenty'. Kritikan pers Indonesia pula sebahagiannya berasaskan 'serkap jarang' atau 'a generalisation' dan berita mereka tidak dibekali data yang berkaitan.

Kepada pengamal media, jika ahli politik Indonesia boleh 'bersabar' dengan kuasa tanpa had pemerintah lebih 30 tahun (di bawah Order Baru), mengapa mereka tidak boleh bersabar dengan kebebasan media yang baru berusia setahun jagung itu? Pers adalah perusahaan persendirian (private enterprise) dan tidak menggunakan wang rakyat, tidak mengeringkan belanjawan (budget) dan stafnya tidak dibayar oleh pemerintah. Mereka juga dipilih dan bertanggungjawab terhadap rakyat dan sekiranya menyeleweng akan ditolak mereka (rakyat). Yang pasti pers tidak kebal undang-undang dan sekiranya melakukan kesalahan boleh dihadapkan ke mahkamah. Kemampuan pers Indonesia pula masih boleh dianggap masih pada tahap rendah (poor). Justeru, mengapa tidak diperbaiki kekurangan kemampuan itu dari menghadkan persekitaran bebasnya. Pemerintah harus memberi peluang kebebasan media memperbaiki 'kecacatan' mereka sendiri.

Peraturan adalah mudah tetapi merbahaya

Ardimas Sasdi (2007) menyatakan, Presiden Susilo mendapati begitu mudah mengawal media – tetapi lebih sukar mengendalikannya secara adil media bebas yang agak agresif itu. Menurutnya, kebebasan media adalah hasil konkrit dari era reformasi. Sejak mengambil alih kuasa pada 2004, pemerintahan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono telah mengeluarkan empat peraturan dan dua perisytiharan (decree) presiden mengenai media. Mutakhir ialah peraturan-peraturan terhadap penyiaran asing (foreign), swasta, masyarakat dan langganan. Dua lagi perisytiharan ialah pengurangan masa siaran media elektronik atas alasan penjimatan tenaga dan keperluan pemilik telefon pra-bayar mendaftarkannya dengan operator telefon cellular.

Menurut Ardimas lagi, satu lagi peraturan yang sedang dipertimbangkan ialah berkaitan Internet yang didakwa boleh digunakan penjenayah dan pengganas sebagai saluran komunikasi mereka. Pemerintah mendakwa teknologi berasaskan telekomunikasi berpotensi digunakan untuk membuat ancaman, ugutan, menggalakkan keganasan dan kebencian kaum - menyebabkan mereka tiada pilihan melainkan mengetatkan peraturan penggunaannya. Namun, apa yang menarik ialah mereka yang dianggap 'pengganas' seperti Dr Azahari Husin dan Noordin Mohammed Top telah lama mengeneipkan telefon bimbit, sebaliknya menggunakan perkhidmatan 'couriers' untuk berhubung dengan rakan-rakan mereka.

Satu perkara yang kurang difahami pemerintah ialah anggapan (notion) yang media ialah domain masyarakat awam yang telah menjadi industri yang pesat berkembang yang memerlukan persekitaran yang kondusif. Peraturan dan undang-undang yang keras adalah musuh utamanya.

Pihak media dan orang awam sememangnya menentang perlaksanaan perisytiharan dan peraturan baru yang dicadangkan itu. Di antaranya ialah pengurangan penggunaan bahan-bahan dari stesen asing seperti Voice of America (VOC) dan British Broadcasting

Corporation (BBC) - sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh regim Suharto. Di waktu yang sama, satu lagi isu penting ialah cadangan pemerintah untuk mengambil alih kuasa Komisi Penyiaran Indonesia (KPI) – sebuah badan bebas seperti FCC America - yang berkuasa mengeluarkan dan membatalkan lesen penyiaran. Kuasa dan hak KPI ini disebut dalam Undang-Undang Penyiaran No. 32/2002. Seperti biasa, pihak pemerintah melalui Menteri Komunikasi dan Informasi Sofyan Djalil mempunyai alasannya sendiri - kali ini kegagalan KPI menjalankan tugas penyeliaan bidang berkenaan.

Apa yang berlaku menunjukkan paradigmm pemerintahan Susilo ke atas media masih belum berubah – media terutama pers telah melampaui batas dan perlu dikawal melalui pelbagai mekanisme seperti lesen, pemantauan liputan media dan penapisan para wartawan, sama seperti dalam era regim Suharto. Dan seperti yang disebut tadi, mewujudkan undang-undang yang mengawal media memang mudah, tetapi pemerintah harus memikirkan cara lain untuk menghadapi media (pers) yang agresif. Kebebasan media adalah hasil era reformasi dan sangat bernilai, justeru perlu dipertahankan dengan apa cara sekalipun.

Isu majalah playboy

Isu majalah Playboy sebenarnya adalah berkaitan sama ada ia boleh dianggap sebagai sebahagian pers atau sesuatu yang lain. Persatuan wartawan Indonesia (PWI) telah menolaknya sebagai sebahagian dari pers sebaliknya menganggap ia sebagai produk dari industri pornografi. PWI berpendapat undang-undang yang mengawal pers tidak boleh digunakan terhadap Playboy. Sebaliknya, ia harus dihadapkan di bawah undang-undang jenayah. Pengerusi PWI, Tarman Azman berpendapat Playboy tidak layak mendapat perlindungan di bawah undang-undang pers

Menteri Komunikasi dan Informasi, Sofyan A Djalil menyatakan dengan jelas pendirian pemerintah iaitu Playboy Indonesia akan diharamkan sekiranya unsur lucah (pornografi) terdapat di dalamnya. Menariknya, pihak Polisi (Police) melalui Brigadier Jeneral Bachrul Alam menyatakan tidak terdapat unsur berkenaan dalam majalah tersebut, lantas ia tidak perlu diharamkan.

Kebebasan media diancam

Menurut Amnesty International, tindakan undang-undang terhadap pengamal media menonjolkan penerusan kejanggalan sistem undang-undang dan memperlihatkan percubaan menghadkan hak asasi bagi kebebasan bersuara dan mendapatkan maklumat oleh orang ramai. Ia kesal dengan apa yang berlaku kerana kebebasan media merupakan aspek penting dalam era selepas Suharto. Kebanjiran media cetak dan penyiaran selepas era ini menunjukkan 'kebebasan' yang dimaksudkan itu. Kebolehan membuat siaran langsung dan menggalakkan perdebatan secara langsung adalah sesuatu yang tidak pernah dimimpikan media sebelum ini.

Bagaimanapun, kebebasan media telah dicemari dengan laporan kurang bertanggungjawab yang menunjukkan sikap memihak, berunsur sensasi dan ketidaktepatan laporan yang sememangnya patut dikritik dan memperlihatkan keperluan kepada sikap lebih bertanggungjawab media. Pihak media perlu mematuhi etika kewartawanan yang dikeluarkan oleh Majlis Akhbar Indonesia. Senario pihak berkuasa mula 'menentang' dan 'mengawal' media adalah sesuatu yang malang yang mungkin membawa kepada sikap 'kurang terbuka' dan 'lebih menekan' terhadap media – sesuatu yang sepatutnya dielakkan.

Penolakan undang-undang hasutan

Freedom House (2007), sebuah badan bebas bukan kerajaan yang menyokong perkembangan kebebasan di seluruh dunia, mengalu-alukan keputusan Mahkamah Perlembagaan Indonesia yang menolak dua klausa dalam Kod Jenayah Indonesia yang menjadikan 'jenayah' memfitnah pemerintah. Keputusan ini menguatkan kebebasan bersuara di negara ini. Mahkamah yang sama juga telah memutuskan sebelum ini yang adalah tidak mengikut perlembagaan tiga artikel dalam Kod Jenayah yang melarang kritikan (insulting) Presiden dan Naib-Presiden.

"Ini adalah langkah ke hadapan yang penting kepada demokrasi baru seperti Indonesia," kata Thomas O Melia, timbalan pengarah eksekutif Freedom House. Ini ialah kerana undang-undang fitnah dan hasutan (defamation) sering digunakan untuk melenyapkan kritikan terhadap pemerintah, perbincangan isu sensitif dan menghadkan dialog awam serta kritikan yang sangat penting dalam sesebuah masyarakat bebas. Apa yang diharapkan ialah peristiwa yang berlaku di Indonesia boleh dijadikan contoh (precedent) kepada negara Asia lain, ujar Karin Karlekar, pengarang urusan Freedom of the Press, laporan kajian tahunan Media Freedom.

Undang-undang jenayah hasutan adalah biasa di Asia, walaupun terdapat beberapa perkembangan yang positif dalam tempoh beberapa tahun lalu. Pemerintah Kemboja umpamanya, tidak lagi menganggap jenayah aktiviti menghasut pada 2006 dan perkembangan yang sama mungkin berlaku di Thailand dengan pemergian Thaksin Shinawatra yang sering menyaman mereka yang mengkritik pemerintahannya.

Dalam pada itu, pada 2007, Freedom of the Press telah mengkategorikan Indonesia sebagai sebuah negara separuh bebas (bagi media) walaupun terdapat beberapa perkembangan yang positif sejak beberapa tahun lalu. Ini termasuk keputusan mahkamah yang memihak media.

Keputusan mahkamah yang menyokong media

Menurut Worldaudit.org (2007), persekitaran undang-undang untuk pers telah bertambah baik sejak 2006 akibat dari keputusan mahkamah yang 'memihak' media. Pada 9 Februari 2006, Mahkamah Agung Indonesia memutuskan yang penggunaan hukuman jenayah

terhadap Ketua pengarang Tempo, Bambang Harymurti tidak boleh dibuat, sebaliknya Undang-Undang Pers 1999 harus digunakan.

Pada September 2006, Mahkamah Daerah Jakarta Sekatan bersetuju menggunakan Undang-Undang Pers dalam kes editor Rakyat Merdeka, Teguh Santosa yang dituduh menghina Islam dan Nabi Muhammad SAW. Hakim Wahyono menolak tuduhan terhadap editor yang telah menyiarkan tiga kartun berkaitan isu itu di laman web akhbar (pers) dengan alasan ia adalah sebagai latar belakang berita yang ditulis bukan kerana sikap tidak hormat terhadap Islam dan Nabi Muhammad SAW.

Sementara itu, Penal Code yang baru dicadangkan dengan 49 artikel berkaitan hasutan akan memasukkan hukuman jenayah terhadap fitnah, menghina pihak berkuasa awam dan institusi negara, menyebarkan berita yang boleh membawa kepada huru-hara, membocorkan rahsia negara dan menyebarkan fahaman komunis atau Marxism-Leninsim.

Walau bagaimanapun, Indonesia mempunyai media persendirian yang besar yang boleh mewakili pelbagai pendapat dan perspektif. Pasaran penyiarannya mempunyai 90 stesen radio di Jakarta sahaja dan 10 stesen televi persendirian di seluruh negara yang bersaing dengan Televisi Republik Indonesia (milik pemerintah). Peraturan lesen yang ketat pula telah melahirkan 2000 stesen radio dan televi haram yang ke udara secara tetap. Di waktu yang sama, penggunaan Internet telah meningkat kepada 10 juta dan tiada sebarang laporan tentang gangguan pemerintah ke atas penggunaannya.

Blogger yang ‘mencerahkan’

Menurut Menteri Negara Komunikasi dan Informatika (Kominfo) Mohammad Nuh, yang diperlukan dalam tulisan para blogger Indonesia adalah tulisan-tulisan yang mencerahkan. Anak-anak muda menentukan masa depan bangsa Indonesia. Jika anak-anak muda memiliki kesadaran membangun Indonesia yang lebih baik, nasib bangsa ini akan lebih baik. Beliau juga yakin anak-anak muda Indonesia punya kemampuan luar biasa, kreatif dan inovatif (R Adhi Kusumaputra, 2007).

Jumlah blogger Indonesia saat ini sekitar 130.000. Dibandingkan dengan jumlah penduduk 220 juta, jumlah ini masih sedikit. Dia berharap pada tahun 2008 mendatang, jumlah blogger Indonesia mencapai satu juta.

Pengerusi Pesta Blogger Indonesia, Enda Nasution mengatakan, “Suara Baru Indonesia” dicerminkan dalam sikap dan perilaku baru dari generasi baru, para blogger Indonesia. Dalam dunia blog, seseorang yang meskipun baru berjumpa pertama kali, tapi sudah mengenal satu sama lain karena masing-masing sudah membaca dan mengenal pribadi blogger. “Kalau salah, langsung minta maaf lebih cepat,” kata Enda memberi contoh.

Pemandu diskusi seputar blog, Wimar Witoelar dalam percakapan dengan Kompas mengatakan kekagumannya pada komunitas blog Indonesia. “Bayangkan jam sepagi ini, sudah banyak yang datang. Ini artinya, blog mengena di hati masyarakat Indonesia. Di blog, orang sangat jujur menulis apa yang diyakininya,” kata Wimar.

Mantan juru bicara kepresidenan era Gus Dur ini menambahkan, orang-orang yang hadir dalam Pesta Blogger adalah mereka yang memiliki sikap. "Apakah sikap itu benar atau salah, itu urusan belakangan dan dapat dikoreksi bersama," kata Wimar. Blog sangat bermanfaat mengembangkan social network dan collective intelligent. "Mereka yang ngeblog pasti bukan orang yang tertutup dan tidak malu bersikap," katanya.

Penutup

Jelas bahawa keterlibatan media Indonesia dalam kritikan melampau terhadap pemerintah dan pendedahan keterlaluan tentang seks dan pornografi umpamanya telah menjadikannya bahan kritikan masyarakat dan pemerintah. 'Kawalan' yang menjadi musuh dan cemuh masyarakat dan pemerintah kini hampir menjadi rakan dan harapan mereka. Masyarakat dan pemerintah rindukan kehidupan 'harmoni' (tanpa gangguan media) seperti dalam era kongkongan pemerintah. Bagi mengelakkan tindak balas pemerintah yang boleh membantutkan persekitaran 'bebas' yang dikecapi mereka, media harus kembali mematuhi etika yang digariskan profesion mereka. Ini akan memastikan kebebasan mereka tidak 'mengganggu gugat' keharmonian masyarakat secara keseluruhannya. Dengan kata lain, jika ini dapat dilakukan media, tindakbalas yang keras dalam bentuk 'kawalan' dari pemerintah tidak diperlukan dan kematangan media akan dapat dicapai. Dan ini adalah baik bagi sebuah negara demokratik seperti Indonesia.

Kertas kerja dibentangkan di Seminar Antarabangsa Perkembangan dan Cabaran Dunia Komunikasi dan Media Nusantara Abad Ke-21 anjuran Universitas Padjajaran, Indonesia dan Universiti Teknologi MARA, Malaysia di Bandung, Indonesia pada 4-5 Februari 2008.

Nota:

Lukas Luwarso ialah Pengarah Eksekutif, Majlis Pers Indonesia dan Ketua Cawangan Jakarta Southeast Asian Press Alliance

Ardimas Sasdi ialah pensyarah Etika dan Falsafah dalam Komunikasi di Jabatan Komunikasi Universitas Indonesia.

Edward Aspinall ialah Fello di jabatan Perubahan politik dan Sosial, Research School of Pacific and Asian Studies, Australian National University.

Edward Aspinall, *The Helsinki Agreement: A More Promising Basis for Peace in Aceh?* (Washington, D.C.: East-West Center, 2005).

Ramlan Surbakti, "Peserta Pemilu 2004" Kompas (Jakarta), 18 February 2003.

Vedi R. Hadiz, "Power and politics in North Sumatra: the uncompleted *reformasi*," in Edward Aspinall and Greg Fealy, eds, *Local Power and Politics in Indonesia: Decentralisation and Democratisation* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2003), 119 - 31.

Marcus Mietzner, "Local Democracy," *Inside Indonesia* 17 (January--March 2006): 17--18.

Selina Wrighter, "Questions of judgement: the new Constitutional Court combines law and politics," *Inside Indonesia* 81 (January--March 2005).

Ross H. McLeod, "The Struggle to Regain Effective Government under Democracy in Indonesia," *Bulletin of Indonesian Economic Studies* 41, 3 (2005): 367—86

Humphrey R. Djemat, "Sorotan Hukum: Bayang-bayang KKN pada Seleksi CPNS," *Sinar Harapan*, 25 November 2004.

Muzzling the Messengers: Attacks and Restrictions on the Media (New York: Human Rights Watch [HRW], 2003).

Worldwide Press Freedom Index, 2005 (Paris: Reporters sans frontieres [RSF], 2005), http://www.rsf.org/rubrique.php3?id_rubrique=554.

Aceh: So Far, So Good (Brussels: International Crisis Group [ICG], 2005).

Papua: The Dangers of Shutting Down Dialogue (ICG, 2006), 8.

Praktik Brutalitas Polisi di Masa Transisi Indonesia: Sebuah analisis kebijakan di Indonesia] (Jakarta: Tim Imparsial, 2005).

Indonesia: Rethinking Internal Security Strategy (ICG Asia, 2004), 7.

Lihat laman web Kementerian: <http://www.menegpp.go.id>.

"Perda Kota Tangerang Tak Sesuai KUHP," *Kompas*, 3 March 2006.

"At a glance: Indonesia" (New York: UNICEF, 2005), http://www.unicef.org/infobycountry/indonesia_23650.html.

"Indonesia" (Washington, D.C.: Human Trafficking.org, 2006), <http://www.humantrafficking.org/countries/eap/indonesia/index.html>.

"Kegelisahan Para Pendatang di Bali," *Kompas*, 7 January 2003.

Papua: The Dangers of Shutting Down Dialogue (ICG, 2006), 8.

Theresia Sufa, "Thousands besiege Ahmadiyah complex," *Jakarta Post*, 16 July 2005.

Country Governance Assessment Report: Republic of Indonesia (Manila: Asian Development Bank, 2004), 112.

Village Justice in Indonesia: Case studies on access to justice, village democracy and governance (World Bank, 2004), 2.

"A new concept of community policing," *The Jakarta Post*, 18 March 2006.

Marcus Mietzner, *The Politics of Military Reform in Indonesia: Elite Conflict, Nationalism and Institutional Resistance* (Washington, D.C.: East-West Center, forthcoming).

Corruption Perceptions Index, 2005 (Berlin: Transparency International, 2005).

"Indonesia Masih Negara Terkorup di Asia," *Kompas*, 3 March 2004.

Combating Corruption in Indonesia (World Bank), 19.

Lihat "Graft methods uncovered" and other articles in *Jakarta Post*, 19 January 2006.

Combating Corruption in Indonesia (World Bank), 31, 32.

"Kebebasan Blogger Indonesia" (Kompas)

<http://www.kompas.com/ver1/Nasional/0710/27/173413.htm>

<http://www.insideindonesia.org/edit72/Theme%20Lukas.htm>

<http://www.indexonline.org/en/news/articles/2006/1/indonesia-press-freedom-must-be-protected-at.shtml>

<http://www.indonesiamatters.com/430/press-freedom-playboy>

<http://www.freedomhouse.org/template.cfm?page=70&release=532>

http://www.amnesty.org/en/alfresco_asset/ffa1d0c4-a461-11dc-bac9-0158df32ab50/asa210442003en.pdf

<http://www.worldaudit.org/presstext.htm>